


IKLAN KEKOSONGAN

TAPAK PENJAJA SUNGAI SEGUNI

MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON



MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON INGIN MEMPELAWA PIHAK INDIVIDU ATAU SYARIKAT BERDAFTAR YANG BERMINAT UNTUK MENGEMUKAKAN KERTAS CADANGAN PENYEWAAN TAPAK PENJAJA SUNGAI SEGUNI BERDASARKAN BUTIRAN YANG DINYATAKAN.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- Sila layari laman sesawang mymppd.mppd.gov.my/mymppd untuk membuat **PERMOHONAN SECARA ATAS TALIAN** (online) dengan mengikut arahan yang tertera dan **MEMENUHI KRITERIA PERMOHONAN YANG TELAH DITETAPKAN**.
- Kertas Cadangan Penyewaan perlu dikemukakan ke **Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta** sebelum atau pada **12 DIS 2024 (Khamis) jam 5.00 petang**.
- Pemohon diminta untuk menyemak status permohonan dari semasa ke semasa di dalam sistem online tersebut.

KANDUNGAN KERTAS CADANGAN

- Mencadangkan konsep yang akan dilaksanakan di tapak dan konsep adalah bebas mengikut kreativiti masing-masing tetapi perlulah unik, moden dan bersesuaian dengan lokasi.
- Perancangan dari segi pengurusan saliran/bahan buangan, pembersihan kawasan, penyelenggaraan, lanskap, promosi, papan tanda dan lain-lain yang berkaitan.
- Perancangan dari segi pengurusan teknikal berkaitan bekalan utiliti (elektrik/air/sistem pencahayaan) dan segala perbelanjaan serta bil berkaitan diambil kira dalam cadangan yang bakal dikemukakan.
- Penyediaan kemudahan awam seperti tandas awam, tempat letak kereta, surau dan lain-lain keperluan mengikut kesesuaian tapak.
- Penerangan berkaitan ciri-ciri keselamatan (keluar masuk lalu lintas, insurans, alat kawalan pemadam api dan lain-lain berkaitan).
- Menyatakan cadangan tempoh penyewaan dan kadar sewaan bulanan yang ditawarkan kepada pihak Majlis.
- Perincian berkaitan kos keseluruhan cadangan, rekod kemampuan tenaga kerja (warga asing tidak dibenarkan) dan sumber kewangan syarikat dalam merealisasikan pelan perancangan tersebut.



DOKUMEN WAJIB



KAD PENGENALAN



GAMBAR PASSPORT



SSM



BIL CUKAI TAKSIRAN TERKINI